

Bekalan kereta berlebihan diperhalusi

UM-22/7/2006

PUTRAJAYA 21 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan memperhalusi surat yang dihantar oleh beberapa pihak mengenai kelebihan bekalan kereta di pasaran tempatan.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini beliau baru sahaja diberikan surat tersebut oleh pihak berkenaan.

"Surat itu dihantar oleh beberapa pihak, tebal juga," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan kenyataan Persatuan Penjual Edaran Automobil Nasional bahawa ketika ini terdapat kira-kira 800,000 kereta untuk dijual di pasaran iaitu pertambahan sebanyak 250,000.

Keadaan ini menyebabkan kesukaran kepada penjual kereta nasional untuk terus kekal dalam perniagaan itu.

Ketika ditanya sama ada Dasar Automotif Negara (NAP) akan dikaji semula berikutan keadaan itu, Abdullah berkata,

"Saya tidak kata apa-apa...jangan tafsirkannya, saya cuma kata akan membacanya."